



Carilah Rezeki Yang Halal Dan Amalkan Sebab-Sebab Dimurahkan Rezeki

(Bahagian Akhir)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

2) Bertaubat Dan Beristighfar

Bertaubat ialah meninggalkan dosa kerana keburukannya, merasa menyesal setelah melakukannya dan berazam untuk tidak melakukannya. Jika berhubungkait dengan hak orang lain, maka hendaklah disertai dengan memohon maaf kepada orang itu agar diampunkan daripada dosa yang telah dilakukan terhadapnya dan mengembalikan hak orang yang telah dizaliminya.

Bertaubat dengan segera daripada segala maksiat hukumnya adalah wajib sebagaimana yang disepakati oleh para ulama. Sama ada bertaubat daripada dosa kecil mahupun dosa besar. Ketika bertaubat ini, disunatkan beristighfar kepada Allah *Ta'ala* daripada setiap dosa yang dilakukan.

Jika dosa itu antara hamba dengan Allah, yang tidak ada sangkut pautnya dengan hak manusia maka syaratnya ada tiga, jika salah satunya hilang, maka taubatnya tidak sah iaitu:

1. Hendaknya menjauhi maksiat tersebut.
2. Menyesali perbuatan (maksiat)nya.
3. Berusaha untuk tidak mengulanginya lagi.

Jika taubat itu berkaitan dengan manusia maka syaratnya ada empat iaitu ketiga-tiga syarat di atas dan keempat ialah:

Hendaknya membebaskan diri dengan memenuhi hak orang tersebut. Jika berbentuk harta benda maka hendaklah dia mengembalikannya. Jika berupa qisas maka hendaklah dia memberitahu dan memberi kesempatan untuk orang itu membalasnya dan meminta maaf kepadanya. Jika berupa ghibah (mengumpat) maka ia harus meminta maaf.

Dalam al-Qur'an ada disebutkan bahawa bertaubat dan beristighfar adalah di antara sebab diperluaskan rezeki. Firman Allah *Ta'ala*:

وَيَقُومِ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا وَيَزِدْكُمْ قُوَّةً
إِلَى قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا مُجْرِمِينَ

(52 :)

Tafsirnya: “*Dan wahai kaumku! Mintalah ampun kepada Tuhan kamu, kemudian bertaubatlah kepadaNya; supaya Dia menurunkan hujan lebat kepada kamu serta menambahkan kamu kekuatan di samping kekuatan kamu yang sedia ada; dan janganlah kamu berpaling daripada seruanKu dengan terus-menerus melakukan dosa (yang mendatangkan kebinasan)*”

(Surah Hud: 52)

Ayat ini menerangkan bahawa Nabi Hud *'alaihissalam* telah memerintahkan kaumnya iaitu kaum 'Aad untuk beristighfar dan bertaubat supaya dikurniakan hujan yang lebat dan diampunkan dosa yang telah lalu iaitu dosa menyekutukan Allah dan menyembah berhala, kerana sesiapa yang bertaubat dan beristighfar maka akan dimudahkan Allah *Ta'ala* rezekinya, dan dipermudahkan urusannya dan mendapat perlindungan daripadaNya jua dalam keadaan negeri yang kering kontang kerana ditimpa kemarau, hujan memang menjadi sebesar-besar rahmat..

Begitu juga dengan memohon ampun kepada Allah *Ta'ala* akan mendapat rezeki sepertimana disebutkan dalam al-Qur'an. Firman Allah *Ta'ala*:

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا ﴿١١﴾
وَيُمَدِّدْكُمْ بِأَمْوَالٍ بَيْنِينَ وَيَجْعَلْ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلْ لَكُمْ أَنْهَارًا

(12-10 :)

Tafsirnya: “*Sehingga aku (Nabi Nuh) berkata (kepada mereka): “Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun. (10) (Sekiranya kamu berbuat demikian), Dia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah, kepada kamu; (11) Dan Dia akan memberi kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak; dan Dia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya).”*

(Surah Nuh: 10-12)

Tersebut di dalam Tafsir al-Qurthubi satu riwayat bahawa beberapa orang lelaki pernah datang mengadu kepada al-Hasan al-Bashri *Rahimahullah*, seorang dari kalangan tabi‘en mengenai masalah mereka; ada yang mengadu masalah kemarau, ada yang mengadu tentang kefakiran, ada yang mengadu ingin dikurniakan anak dan ada yang mengadu kebunnya kering. Hasan menyuruh mereka semua supaya beristighfar kepada Allah. Lalu apabila ditanya kepada beliau kenapa perlu beristighfar? Hasan al-Bashri *Rahimahullah* pun menjawab: “Sesungguhnya itu adalah firman Allah *Ta‘ala* dalam Surah Nuh.”

Maka jelaslah bahawa firman Allah *Ta‘ala* dalam surah Nuh dan surah Hud adalah sebagai dalil yang nyata bahawa mengamalkan *istighfar* itu adalah di antara sebab dilimpahkan rezeki seperti hujan.

Tambahan lagi Rasullullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* pernah bersabda, bahawa sesiapa yang selalu beristighfar maka dilimpahkan oleh Allah *Ta‘ala* rezeki yang tidak terlintas dihatinya. Ibnu ‘Abbas *Radhiallahu ‘anhu* meriwayatkan bahawa Rasullullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda.

()

Maksudnya: “Barangsiapa yang selalu mengamalkan istighfar, Allah jadikan baginya bagi setiap kesempatan jalan keluar dan bagi setiap kesusahan itu kelapangan dan memberikannya rezeki yang tidak terlintas di hatinya.”

(Hadits riwayat Abu Daud)

1) Bertawakkal

Tawakkal ialah berserah diri kepada Allah *Ta‘ala* dan berpegang teguh kepadaNya dalam semua perkara-perkara yang wajib. Perintah bertawakkal ada disebutkan dalam al-Qur‘an sepertimana firman Allah *Ta‘ala*:

وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٢٢﴾

(سورة آل عمران: 122)

Tafsirnya: “Kepada Allah sahajalah hendaknya orang-orang yang beriman itu bertawakkal.”

(Surah Ali-‘Imran: 122)

Perkara bertawakkal sebagaimana yang disebutkan dalam al-Qur‘an dan hadits Rasullullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* adalah di antara sebab diperluaskan rezeki. Firman Allah *Ta‘ala*:

وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ اللَّهَ بَلِغُ أَمْرِهِ ۗ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا

(3 :)

Tafsirnya: “*Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.*”

(Surah ath-Thalaq: 3)

Dalam hadits disebutkan, Sayyidina ‘Umar bin al-Khaththab *Radhiallahu ‘Anhu* berkata bahawa Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: “*Jika sesungguhnya kamu bertawakkal kepada Allah Ta‘ala dengan sebenar-benar tawakal, maka akan diberikan rezeki kepada kamu sepertimana rezeki yang diberikan kepada seekor burung yang menjamu makanan di awal pagi ketika sedang lapar dan kembali setelah perut penuh (iaitu sesudah merasa kenyang).*”

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Hadits di atas menerangkan bahawa jika seseorang itu benar-benar bertawakkal kepada Allah *Ta‘ala* dengan keyakinan bahawa Allah *Ta‘ala* yang melakukan semua itu dan tiada yang memberi rezeki melainkan Allah *Ta‘ala* jua dan tiada yang berkuasa menghalang melainkan Allah *Ta‘ala* jua di samping berusaha bersungguh-sungguh dengan bertawakkal, nescaya akan dilimpahkan rezeki sepertimana rezeki yang dilimpahkan kepada burung.

2) Menghubungkan Silaturahmi

Menghubungkan silaturahmi juga adalah di antara sebab-sebab dimurahkan rezeki. Dalil mengenai perkara itu banyak disebutkan dalam hadits-hadits Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam*, antaranya ialah hadits yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik *Radhiallahu ‘Anhu*, bahawa sesungguhnya Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: “Barangsiapa yang suka dimurahkan rezekinya dan dipanjangkan umurnya maka hendaklah dia mengeratkan hubungan kekeluarganya (*silaturahmi*nya).”

(Hadits riwayat Muslim)

Maka hadits di atas menerangkan bahawa menghubungkan silaturahmi itu memberikan natijah (kesudahan) yang baik seperti diperluaskan rezeki dan dipanjangkan usia.

‘Ulama bersepakat mengatakan bahawa mengeratkan silaturahmi sesama saudara hukumnya adalah wajib. Kewajipan mengeratkan silaturahmi itu juga disandarkan dengan rasa keimanan kepada Allah *Ta‘ala* sebagaimana disebutkan dalam hadits Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam*, Baginda bersabda:

()

Maksudnya: “Dan siapa yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat maka hendaklah dia mengeratkan hubungan kekeluarganya (*silaturahmi*nya).”

(Hadits riwayat Bukhari)

Sementara hukum memutuskan silaturrahim pula adalah haram dan dikira sebagai melakukan maksiat besar dan mendapat laknat daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, sebagaimana firmanNya:

فَهَلْ عَسَيْتُمْ إِنْ تَوَلَّيْتُمْ أَنْ تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ وَتُقَطِّعُوا أَرْحَامَكُمْ ﴿٢٢﴾ أُولَئِكَ الَّذِينَ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فَأَصَمَّهُمْ وَأَعَمَّى أَبْصَرَهُمْ ﴿٢٣﴾

(23-22 :)

Maksudnya: “(Kalau kamu tidak mematuhi perintah) maka tidakkah kamu harus dibimbang dan dikhuatirkan jika-kamu dapat memegang kuasa-kamu akan melakukan kerosakan di muka bumi, dan memutuskan hubungan silaturrahim dengan kaum kerabat?. (Orang-orang yang melakukan perkara-perkara yang tersebut) merekalah yang dilaknat oleh Allah serta ditulikan pendengaran mereka, dan dibutakan penglihatannya.”

(Surah Muhammad: 22-23)

Manakala akibat orang yang memutuskan silaturrahim pula, tidak akan masuk syurga, sebagaimana sabda Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam*:

()

Maksudnya: “Tidak masuk syurga orang yang memutuskan hubungan kekeluargaan.”

(Hadits riwayat Muslim)

Antara cara untuk mengeratkan hubungan silaturrahim ialah dengan memberi harta, memberi bantuan dan pertolongan dalam menyampaikan hajat, menolak kemudharatan, memberi keceriaan muka atau keramahan, mendoakan, memenuhi dengan apa yang termampu daripada perkara kebajikan dan menolak apa yang termampu daripada keburukan.

Sementara bagi mereka yang jauh bolehlah juga berhubung dan berkirim salam dengan berutus surat, akan tetapi jika mampu adalah afdhal untuk menziarahi mereka.

Dalam kitab Bujairimi 'Ala al-Khathib disebutkan bahawa mengeratkan silaturrahim adalah di antara sebab-sebab mendapat rezeki yang berkat dan dipanjangkan umur.

Sebagai kesimpulan tidak diragukan lagi bahawa apa yang diterangkan dalam al-Qur'an dan hadits bahawa bertakwa kepada Allah *Ta'ala*, bertawakkal, beristighfar dan memohon ampun kepadaNya dan menghubungkan silaturrahim adalah di antara penyebab seseorang hamba itu dikurniakan limpahan rezeki dan keberkatannya. Maka sayugialah kita berusaha untuk beriltizam dengan perkara-perkara ini, kerana selain ia penyebab atau faktor yang boleh memeluaskan rezeki, amalan-amalan itu juga adalah amalan yang dituntut dan disukai Allah *Ta'ala*.